

Headline	Lulusan Uniten cepat dapat kerja		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	4
ArticleSize	234 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,001		



MARY YAP KAIN CHING bersama Prof. Dr. Bahisham Yunus, Kamal Nasharuddin Mustapha, Leo Moggie, Datuk Seri Azman Mohamad dan Prof. Datuk Dr. Rujhan Mustafa meletakkan tangan sebagai simbolik perasmian Majlis Sambutan Ulangtahun Ke-20 Universiti Tenaga Nasional, Putrajaya semalam.

Lulusan Uniten cepat dapat kerja

PUTRAJAYA 8 Mac - Sebanyak 95 peratus lulusan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching berkata, statistik tersebut diperoleh menerusi Kajian Pengeesanan Graduan yang dijalankan oleh kementeriannya.

Katanya, sepanjang 20 tahun penubuhannya, Uniten berjaya melahirkan kira-kira 25,000 siswazah dalam pelbagai bidang.

"Hal ini menunjukkan Uniten

amat komited dalam menguruskan peluang para pelajar serta graduan mereka untuk membina empayar kerjaya masing-masing dengan lebih bermutu dan berkualiti.

"Dalam tempoh 20 tahun juga, Uniten berjaya membuktikan pelajar-pelajar mereka amat berkebolehan dalam mencipta suasana kondusif serta melahirkan idea-idea yang bersifat antarabangsa dan usaha ini perlu diteruskan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan sambutan ulang tahun Uniten ke-20 di Pusat Pelajar universiti itu di sini, hari ini

Yang turut hadir Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Leo Moggie dan Naib Canselor Uniten, Profesor Datuk Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha.

Sementara itu, Leo memberitahu, Uniten disifatkan sebagai generasi baharu yang sedang mengorak langkah untuk lebih matang dengan cita-cita tinggi.

"Bilangan pelajar yang meningkat sehingga 12,275 orang setiap tahun mempengaruhi corak perkembangan Uniten dalam pelbagai aspek dan secara fizikalnya, kami merasai perubahan itu tahun demi tahun," katanya.